

Kayuhan Merdeka UMP semarakkan bulan kemerdekaan

Menjelang Hari Kebangsaan ke-61 yang disambut 31 Ogos lalu, seramai 61 orang peserta Kayuhan Merdeka telah berbasikal mengelilingi kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) sambil mengibarkan Jalur Gemilang bagi menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan warga kampus.

Selain beriadah dan amalan gaya hidup sihat, sepanjang perjalanan mereka singgah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Perpustakaan, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemajuan, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan bertemu dengan anak-anak cilik di Taska Anakku Comel UMP bagi mengagihkan Jalur Gemilang bagi menyemarakkan semangat kemerdekaan dan cintakan negara.

Ketibaan peserta disambut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin di Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak, UMP. Pada masa sama, beliau turut memasang Jalur Gemilang di kereta



Dr. Yuserrie bersama peserta Kayuhan Merdeka dalam Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat UMP.

dan kenderaan universiti.

Menurutnya, sepanjang bulan Ogos menyaksikan kibaran Jalur Gemilang menghiasi bangunan dan pejabat sebagai tanda ingatan dalam menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan sejak 15 Ogos lalu di UMP Gambang dan Pekan, bahkan pelbagai program menarik turut disusun sehingga menjelang Hari Malaysia pada 16 September ini.

"UMP mengadakan beberapa aktiviti seperti Pertandingan Fotografi 'Lensa Merdeka 61' dan Video Pendek 'Lensa Bakti'. Turut berlangsung, pelancaran

Festival 'Aku Darah Anak Malaysia' bagi menyemarakkan semangat jati diri serta meningkatkan kesedaran tentang sejarah kemerdekaan serta menanamkan perasaan sayang kepada negara," katanya sempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Universiti.

Di antara pengisian termasuklah Pameran Kemerdekaan 2018 yang diadakan di Perpustakaan UMP, Classroom to Global Community bertemakan Ekspresi Bakti, promosi dan penghargaan melalui teknologi (e-bP2@T), Aspirasi Merdeka dan Cendeki Bicara menampilkan juru foto profesional,



Dr. Yuserrie dan Dr. Munira memperkenalkan aplikasi Produk Pengurusan Kepelbagalan iaitu A.D.A.M sempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Universiti ini.

Stefano Romano dan penerima Anugerah Hadiah Guru Global setaraf 'Hadiah Nobel' iaitu Noorjahan Sultan.

Katanya, program ini juga memupuk semangat patriotisme di samping mewujudkan semangat kerja berpasukan.

Turut berlangsung, pra pelancaran Kajian Produk Pengurusan Kepelbagalan iaitu Autentik, Dinamik, Altruistik dan Manusia (A.D.A.M) oleh sekumpulan penyelidik UMP diketuai Pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemajuan, Dr Munira Abdul Razak yang dijalankan sejak 2007 menerusi pembelajaran dalam kalangan pelajar kejuruteraan di universiti ini.